



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### *Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 23 NOVEMBER 2023**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## KPDN lupus barang rampasan

**PORT DICKSON:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melupuskan barang rampasan bernilai RM38.53 juta melibatkan pelbagai kesalahan di seluruh negara hasil penguatkuasaan bermula 1 Januari hingga 31 Oktober lalu.

Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar berkata, ia termasuk barang rampasan berkaitan dakwat mesin pencetak bernilai RM2.9 juta.

"Sepanjang tahun ini, Bahagian Penguatkuasa KPDN melaksanakan penguatkuasaan dan pemeriksaan berkaitan antaranya bekalan, harga, antipencatutan, ketirisan, cetak rompak, barang tiruan, halal, sewa beli, jualan langsung dan penipuan dalam talian.

"KPDN bermula 1 Januari sehingga 31 Oktober lalu memeriksa

713,745 premis dan daripada jumlah itu, sebanyak 10,937 tindakan kes diambil melibatkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM82.14 juta.

"Selain itu, sebanyak RM8.22 juta kompaun dikeluarkan melibatkan 8,519 kes di seluruh negara manakala 96 kes pula melibatkan tindakan pendakwaan di mahkamah dengan jumlah keseluruhan denda sebanyak RM2.3 juta dalam tempoh yang sama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Pelupusan Eksibit Perdana di Cenviro Sdn. Bhd., Bukit Pelandok di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam.

Pada majlis tersebut, dakwat

mesin pencetak bernilai RM2.9 juta dilupuskan hasil rampasan mengikut Akta di bawah Cap Dagangan 2019 (Akta 815) dan Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730).

Sementara itu, kata beliau, berdasarkan kepada tindakan kes pengkompaunan dan pendakwaan tersebut, sebanyak 1,490 kes yang melibatkan barang sitaan dilupus dan dijadikan hasil kerajaan seperti hasil kutipan sementara sebanyak RM5.51 juta.

"Hasil jualan lelong, sebut harga, tender dan jualan terus sebanyak RM3.44 juta serta pemusnahan barang-barang kes bernilai RM29.58 juta.

"KPDN melalui tindakan penguatkuasaan juga telah mengutip sebanyak RM49.04 juta hasil dalam tempoh Januari sehingga Oktober 2023 dan dijadikan hasil kerajaan," katanya.

# KPDN lupus barang rampasan RM38.53 juta

Melibatkan pelbagai kesalahan di seluruh negara tahun ini

Oleh NORAFIDAH ASSAN  
PORT DICKSON

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) melupuskan barang rampasan bernilai RM38.53 juta melibatkan pelbagai kesalahan di seluruh negara dalam tahun ini.

Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar berkata, ia susulan penguatkuasaan dan pemeriksaan yang dijalankan pihaknya antaranya berkaitan bekalan, harga, cetak rompak, halal, penipuan dalam talian dan sebagainya.

Menurutnya, berdasarkan statistik penguatkuasaan KPDN bermula 1 Januari hingga 31 Oktober lalu, sebanyak 713,745 premis telah diperiksa di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, 10,937 tindakan kes telah diambil melibatkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM82.14 juta.

"Selain itu, sebanyak RM8.22 juta kompaun juga telah dikeluarkan membabitkan sebanyak 8,519 kes di seluruh negara, manakala 96 kes pula tindakan pendakwaan di mahkamah dengan jumlah keseluruhan denda RM2.30 juta dalam tempoh yang sama," jelasnya.



Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak

FOTO: BERNAMA

Mohd Sayuthi (dua dari kanan) mendengar penerangan daripada wakil Hewlett Packard (HP), Leong Tat Peng (kiri) mengenai barang rampasan berkaitan dakwat mesin pencetak pada Majlis Pelupusan Ekshibit Perdana di Pusat Kualiti Alam, Port Dickson pada Rabu.

Menurutnya, sebanyak 1,490 kes barang sitaan telah dilupus dan dijadikan hasil kerajaan iaitu hasil sementara sebanyak RM5.51 juta, hasil jualan lelong, sebut harga, tender dan jualan terus RM3.44 juta serta pemusnahan barang-barang kes bernilai RM29.58 juta.

"Nilai keseluruhan pelupusan barang kes yang dihasilkan adalah berjumlah RM38.53 juta.

"KPDN melalui tindakan penguatkuasaan telah mengutip sebanyak RM49.04 juta hasil dalam tempoh Januari sehingga Oktober lepas dan dijadikan hasil kerajaan," ujarnya.

Sebelum itu, Mohd Sayuthi hadir

merasmikan Majlis Pelupusan Ekshibit Perdana yang turut dihadiri Ketua Pengarah Penguat kuasa KPDN, Datuk Azman Adam di sini pada Rabu.

Pelupusan oleh Ibu Pejabat Bahagian Penguat Kuasa KPDN Putrajaya itu melibatkan barang rampasan berkaitan dakwat mesin pencetak di bawah Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815) dan Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) bernilai RM2.9 juta membabitkan sembilan kes.

"Semua barang rampasan dilupuskan dengan menggunakan teknologi insinerator yang mana proses itu akan menjana tenaga elektrik untuk grid nasional," katanya.

## Mesin cetak RM2.9 juta dilupus

POR<sup>T</sup> DICKSON – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) telah melupuskan barang rampasan bernilai RM38.53 juta melibatkan pelbagai kesalahan di seluruh negara hasil penguatkuasaan bermula 1 Januari hingga 31 Oktober lalu.

Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Seri Mohd. Sayuthi Bakar berkata, ia termasuk barang rampasan berkaitan dakwat mesin pencetak bernilai RM2.9 juta yang dilupuskan semalam.

"Sepanjang 2023, KPDN telah melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pemeriksaan

berkaitan antaranya bekalan, harga, antipencatutan, ketirisan, cetak rompak, barang tiruan, halal, sewa beli, metrologi, skim anti piramid, jualan langsung dan penipuan online.

"Kami juga telah memeriksa 713,745 premis dan daripada jumlah itu, sebanyak 10,937 tindakan telah diambil dengan nilai rampasan RM82.14 juta bermula 1 Januari sehingga 31 Oktober lalu," katanya pada sidang akhbar di Bukit Pelandok di sini semalam.

Menurut Mohd. Sayuthi, sebanyak RM8.22 juta kompaun telah dikeluarkan melibatkan 8,519 kes di seluruh negara,

manakala 96 kes pula melibatkan pendakwaan di mahkamah melibatkan denda RM2.3 juta.

Tambahnya, sebanyak 1,490 kes melibatkan barang sitaan telah dilupus dan dijadikan hasil kerajaan berjumlah RM5.51 juta.

"Hasil jualan lelong, sebut harga, tender dan jualan terus sebanyak RM3.44 juta serta pemusnahan barang-barang kes bernilai RM29.58 juta.

"KPDN melalui tindakan penguatkuasaan juga telah mengutip sebanyak RM49.04 juta hasil dalam tempoh Januari sehingga Oktober 2023 dan dijadikan hasil kerajaan," katanya.



MOHD. SAYUTHI (tengah) menunjukkan antara barang yang dilupuskan ketika ditemui di Bukit Pelandok, Port Dickson semalam.

Salah guna terma jual minyak masak peket

## Syarat makan diri

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

**SEGAMAT** – Tindakan sebuah premis perniagaan mengenakan syarat ketika menjual barang kawalan mengundang padah apabila syarikatnya didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini kelmarin.

Hakim Rahimah Abd. Majid menjatuhkan hukuman itu terhadap My MiniMarket Sdn. Bhd. selepas didapati bersalah mengenakan syarat pembelian bagi penjualan barang kawalan minyak masak peket.

Syarat itu ialah pelanggan yang membeli barang lain berharga RM30 ke atas sahaja dibenarkan membeli dua peket minyak masak 1 kilogram dan sepeket bagi

bawah RM30.

Kesalahan mengikut Seksyen 22(2) Akta Kawalan Bekalan 1961 itu dilakukan di Taman Suraya, Jementah di sini pada 7 Oktober lalu. Ia memperuntukkan hukuman denda RM2 juta dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya jika sabit kesalahan.

Sementara itu, dalam pertuduhan berasingan, Syarikat Yoon Shen (Segamat) Sdn. Bhd. dikenakan denda RM40,000 selepas mengaku salah menjual barang tiruan hujung tahun lalu.

Mengikut kertas pertuduhan, syarikat itu didapati menjual tujuh jenis barang yang didapati menggunakan cap dagangan palsu.

Kesalahan itu dilakukan di premis perniagaannya di Jalan Perindustrian Yayasan di sini pada pukul 10.50 pagi, 22 Disember 2022.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 102(1)(i) (ii) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM15,000 bagi setiap barang dan RM30,000 bagi kesalahan berikutnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Muhamad Sabiq Mohd. Subri dan pegawai pendakwa, Raja Nor Ikhlas Raja Arif.



SYARIKAT My MiniMarket Sdn. Bhd. didenda RM30,000 kerana meletakkan syarat untuk menjual minyak masak peket kepada pelanggan. – GAMBAR HIASAN

## Padah letak syarat beli minyak masak peket

**JOHOR BAHRU** - Tindakan seorang peruncit meletakkan syarat pembelian barang berjumlah RM30 ke atas bagi membeli dua peket minyak masak paket bersubsidi, membawa padah apabila didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Segamat, pada Selasa.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, kesalahan itu dilakukan pada 7 Oktober lalu di Jementah, Segamat.

"Selain itu, peruncit berkenaan turut meletakkan syarat bagi pembelian di bawah RM30 hanya dibenarkan membeli minyak masak peket satu kilogram (kg) sebanyak satu paket sahaja, yang mana syarat jualan itu tidak dibenarkan oleh pengawal bekalan.

"Hakim Rahimah Abd Majid menjatuhkan hukuman denda RM30,000 selepas peruncit berkenaan mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, seorang lagi pemilik kedai runcit di Segamat turut didenda RM40,000 kerana menjual barang dagangan palsu membabitkan jenama penjagaan diri terkenal.

"Peruncit berkenaan melakukan kesalahan berkenaan pada 22 Disember tahun lalu susulan serbuan dibuat anggota KPDN," katanya.

Menurutnya, pihak KPDN Johor akan bertindak tegas serta tidak akan berkompromi dalam menyuatuksaskan undang-undang untuk membanteras penyelewengan barang kawalan dan perdagangan demi kepentingan rakyat.



Peruncit yang mengenakan syarat pembelian bagi pengguna membeli minyak masak peket bersubsidi didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Segamat pada Selasa.

## KPDN lantik 143 DDW, DDR di setiap daerah

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melantik 143 pemborong terpilih (DDW) dan peruncit terpilih (DDR) di setiap daerah bagi memastikan keberadaan bekalan barang keperluan asas mencukupi ketika musim banjir.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, pihaknya sudah melantik 105 premis sebelum membuat tambahan 38 premis lagi sebagai persediaan sepanjang tempoh lima bulan itu.

Menurutnya, premis yang dilantik itu dibenarkan menambah had simpanan bekalan barang kawalan melebihi 30 peratus kuantiti daripada had simpanan sedia ada dalam lesen asal sepanjang tempoh bencana itu.

"Kami melantik 143 pemegang stok mini iaitu 79 premis DDR, DDW (52) dan

12 kategori lain-lain termasuk stesen minyak di semua lokasi yang dijangka terbabit dengan banjir.

"Lantikan ini dibuat berdasarkan kedudukan mereka sebagai pemegang Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual (CSA), lokasi serta kapasiti perniagaan barang kawalan serta keperluan asas dijalankan."

"Kerjasama dan penyelesaian antara KPDN dengan pemegang stok mini sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan bekalan sentiasa ada dan mencukupi ketika berlaku banjir," katanya ketika sidang media, di sini, semalam.

Azman berkata, 26 barang keperluan asas disenaraikan untuk tambahan stok bekalan banjir di semua premis lantikan antaranya gula, minyak masak, tepung gandum, telur, beras, ayam, bawang, diesel serta petrol.

## Pemborong, pembekal jangan sorok bekalan

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengingatkan kepada semua pemborong dan pembekal agar tidak menyembunyikan keperluan asas terutamanya makanan untuk mengaut lebih keuntungan semasa musim banjir.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, sehubungan itu, seramai 127 anggota penguat kuasa KPDN sentiasa membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan pengguna mendapat bekalan keperluan di pasaran.

Menurutnya, beliau memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku kegiatan menyembunyikan bekalan keperluan asas ketika musim banjir.

"Isu menyembunyikan bekalan kebiasaannya berpunca

daripada pemborong atau pembekal yang ingin mengaut keuntungan lebih apabila mendengar khabar angin berkaitan kenakan harga barang.

"Semasa musim banjir, tidak berlaku isu sorok bekalan, namun kita tetap membuat pemantauan sepanjang masa terutamanya di sempadan negara," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pemantauan rantaian pengegaran barang keperluan asas di Jasmine Food Corporation, Pengkalan Chepa, di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Azman memberitahu, KDPN Kelantan memberi jaminan bekalan makanan asas dan bahan mentah akan mencukupi bagi menampung keperluan pengguna semasa musim banjir di negeri ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 NOVEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Nov	KPDN lupus barang rampasan bernilai RM38.53 juta seluruh negara	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/635843/berita/semasa/kpdn-lupus-barang-rampasan-bernilai-rm3853-juta-seluruh-negara">https://www.sinarharian.com.my/article/635843/berita/semasa/kpdn-lupus-barang-rampasan-bernilai-rm3853-juta-seluruh-negara</a>	SH
23-Nov	Barang rampasan bernilai RM38.53 juta dilupuskan KPDN	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/11/22/barang-rampasan-bernilai-rm38-53-juta-dilupuskan-kpdn/">https://malaysiagazette.com/2023/11/22/barang-rampasan-bernilai-rm38-53-juta-dilupuskan-kpdn/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-Nov	KPDN lupus barang rampasan bernilai RM38.53j sepanjang tahun ini	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/kpdn-lupus-barang-rampasan-bernilai-rm38-53j-sepanjang-tahun-ini/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/kpdn-lupus-barang-rampasan-bernilai-rm38-53j-sepanjang-tahun-ini/</a>	UM
23-Nov	KPDN lupus barang rampasan bernilai RM38.53 juta	<a href="https://suaramerdeka.com.my/kpdn-lupus-barangan-rampasan-bernilai-rm38-53-juta/">https://suaramerdeka.com.my/kpdn-lupus-barangan-rampasan-bernilai-rm38-53-juta/</a>	SUARAMERDEKA
23-Nov	KPDN lupus barang rampasan bernilai RM38.53 Juta	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2246848">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2246848</a>	BERNAMA
23-Nov	Barang kes RM38.53 juta hasil rampasan KPDN dilupus	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/11/1180200/barang-kes-rm3853-juta-hasil-rampasan-kpdn-dilupus">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/11/1180200/barang-kes-rm3853-juta-hasil-rampasan-kpdn-dilupus</a>	BH
23-Nov	KPDN buat persiapan pasti bekalan barang mencukupi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1032823/kpdn-buat-persiapan-pasti-bekalan-barangan-mencukupi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1032823/kpdn-buat-persiapan-pasti-bekalan-barangan-mencukupi</a>	HM

23-Nov	143 pemegang stok mini dilantik pastikan bekalan cukup musim tengkujuh	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2246788">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2246788</a>	BERNAMA
23-Nov	Pemborong, pembekal jangan sorok bekalan makanan semasa musim banjir	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/11/22/pemborong-pembekal-jangan-sorok-bekalan-makanan-semasa-musim-banjir/">https://www.kosmo.com.my/2023/11/22/pemborong-pembekal-jangan-sorok-bekalan-makanan-semasa-musim-banjir/</a>	KOSMO
23-Nov	Pemborong, pembekal jangan sorok bekalan makanan semasa musim banjir	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/pemborong-pembekal-jangan-sorok-bekalan-makanan-semasa-musim-banjir/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/pemborong-pembekal-jangan-sorok-bekalan-makanan-semasa-musim-banjir/</a>	UM
23-Nov	Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail melakukan pemantauan rantaian pengedaran barang keperluan asas dalam menghadapi bencana alam	<a href="https://www.facebook.com/share/v/DdQE9KJBobpQD1XG/?mibextid=jmPrMh&amp;startTimeMs=23632">https://www.facebook.com/share/v/DdQE9KJBobpQD1XG/?mibextid=jmPrMh&amp;startTimeMs=23632</a>	BERNAMATV
23-Nov	Peruncit didenda RM30,000 kerana letak syarat beli minyak masak peket	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1180064/peruncit-didenda-rm30000-kerana-letak-syarat-beli-minyak-masak-peket">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1180064/peruncit-didenda-rm30000-kerana-letak-syarat-beli-minyak-masak-peket</a>	BH
23-Nov	Letak syarat beli minyak masak peket, peruncit didenda RM30,000	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/635861/edisi/johor/letak-syarat-beli-minyak-masak-peket-peruncit-didenda-rm30000">https://www.sinarharian.com.my/article/635861/edisi/johor/letak-syarat-beli-minyak-masak-peket-peruncit-didenda-rm30000</a>	SH
23-Nov	Pengguna lega harga ayam stabil	<a href="https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/11/pengguna-lega-harga-ayam-stabil/">https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/11/pengguna-lega-harga-ayam-stabil/</a>	UM
23-Nov	KPDN lulus barang rampasan bernilai RM38.53 Juta	<a href="https://thesun.my/cerita/kpdn-lulus-barang-rampasan-bernilai-rm3853-juta-EA11779937">https://thesun.my/cerita/kpdn-lulus-barang-rampasan-bernilai-rm3853-juta-EA11779937</a>	THESUN

23-Nov	KPDN disposes of confiscated goods WORT.rm3853 Rm3853M	<a href="https://thesun.my/local/kpdn-disposes-of-confiscated-goods-worth-rm3853m-MP11780185">https://thesun.my/local/kpdn-disposes-of-confiscated-goods-worth-rm3853m-MP11780185</a>	THESUN
23-Nov	Ministry disposes of RM38.53mln in confiscated goods	<a href="https://selangorjournal.my/2023/11/ministry-disposes-of-rm38-53mln-in-confiscated-goods/">https://selangorjournal.my/2023/11/ministry-disposes-of-rm38-53mln-in-confiscated-goods/</a>	SELANGORJOURNAL
23-Nov	KPDN lulus barang rampasan bernilai RM38.53 juta	<a href="https://utusantv.com/2023/11/22/kpdn-lulus-barang-rampasan-bernilai-rm38-53-juta/">https://utusantv.com/2023/11/22/kpdn-lulus-barang-rampasan-bernilai-rm38-53-juta/</a>	UMTV
23-Nov	Domestic Trade Ministry: 143 mini-stockholders will ensure sufficient supply of essentials during floods	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/22/domestic-trade-ministry-143-mini-stockholders-will-ensure-sufficient-supply-of-essentials-during-floods/103560">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/22/domestic-trade-ministry-143-mini-stockholders-will-ensure-sufficient-supply-of-essentials-during-floods/103560</a>	MALAYMAIL
23-Nov	Persedian banjir, 143 pemegang stok mini di Kelantan dilantik	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/persedian-banjir-143-pemegang-stok-mini-di-kelantan-dilantik">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/persedian-banjir-143-pemegang-stok-mini-di-kelantan-dilantik</a>	BERITARTM
23-Nov	Jangan sorok keperluan asas ketika banjir – KPDN Kelantan	<a href="https://malaysiamadani.gov.my/2023/11/jangan-sorok-keperluan-asas-ketika-banjir-kpdn-kelantan/#:~:text=Azman%20menegaskan%20bahawa%202026%20jenis,sekiranya%20stesen%20minyak%20ditenggelami%20air.">https://malaysiamadani.gov.my/2023/11/jangan-sorok-keperluan-asas-ketika-banjir-kpdn-kelantan/#:~:text=Azman%20menegaskan%20bahawa%202026%20jenis,sekiranya%20stesen%20minyak%20ditenggelami%20air.</a>	MALAYSIAMADANI
23-Nov	Barang Keperluan Asas Mencukupi Ketika Bah	<a href="https://youtu.be/m-qbtcnVX-k?si=ChYmZHQ-u9WbOU-G">https://youtu.be/m-qbtcnVX-k?si=ChYmZHQ-u9WbOU-G</a>	BULETINTV9

23-Nov	Pasar raya kantoi sorok gu-la, minyak masak peket	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/11/22/pasar-raya-kantoi-sorok-gula-minyak-masak-peket/">https://www.kosmo.com.my/2023/11/22/pasar-raya-kantoi-sorok-gula-minyak-masak-peket/</a>	KOSMO
23-Nov	Sorok gula, minyak masak paket, peniaga berdepan denda RM1 juta, penjara	<a href="https://suarasarawak.my/sorok-gula-minyak-masak-paket-peniaga-berdepan-denda-rm1-juta-penjara/">https://suarasarawak.my/sorok-gula-minyak-masak-paket-peniaga-berdepan-denda-rm1-juta-penjara/</a>	SUARASARAWAK
23-Nov	KPDN Bintulu Serbu Pasar Raya Sorok Gula, Minyak Masak Peket	<a href="https://www.borneo.network/2023/11/kpdn-bintulu-serbu-pasar-raya-sorok.html?m=1">https://www.borneo.network/2023/11/kpdn-bintulu-serbu-pasar-raya-sorok.html?m=1</a>	BORNEO.NETWORK
23-Nov	KPDN rampas 400kg gula, 272kg minyak masak peket dipercayai cuba disorok	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/22/kpdn-rampas-400kg-gula-272kg-minyak-masak-peket-dipercayai-cuba-disorok">https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/22/kpdn-rampas-400kg-gula-272kg-minyak-masak-peket-dipercayai-cuba-disorok</a>	UMBORNEO